

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 4/12/2013

Muka surat: 8

Tajuk : UNIMAS Anjur Program Di Kampung Siol Kandis 6-8 Dis.

UNIMAS anjur program di Kampung Siol Kandis 6-8 Dis

KUCHING: Sukarelawan ‘Selangkah ke Menara Gad-ing’ (SMG) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan program ‘One Step to Success’ pada 6 hingga 8 Disember ini.

Menurut Pegawai UNIMAS merangkap fasilitator Sukarelawan SMG Siti Lydiawati Sahmat, program selama tiga hari tersebut akan diadakan di Kampung Siol Kandis, Petra Jaya dengan kerjasama Pusat Khidmat Parlimen Petra Jaya, Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung (JKKK) Siol Kandis dan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS).

“Program yang julung kali diadakan ini menyasarkan para pelajar sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk mempromosikan UNIMAS serta membantu mereka yang memerlukan bimbingan mengenai teknik ketika menghadapi peperiksaan.

“Di samping itu, program ini juga akan dapat mengeratkan hubungan diantara para

peserta, penduduk setempat serta UNIMAS dengan membantu menerangkan hala tuju para pelajar setelah tamat alam persekolahan mereka nanti,” ujar Lydiawati.

Beliau memberitahu, antara aktiviti-aktiviti yang dirancang pada program tersebut termasuk ceramah bertajuk ‘Anak Permata Hatiku’ yang akan diadakan di Surau Kampung Siol Kandis, ceramah motivasi, sukaneka dan gotong royong.

“Menteri Kerja Raya mer-

angkap Ahli Parlimen Petra Jaya Datuk Fadillah Yusof dijangka menyempurnakan majlis penangguhan program pada 8 Disember nanti,” tambah Lydiawati.

Ibu bapa yang berminat untuk mendaftarkan anak-anak mereka untuk menyertai program ‘One Step to Success’ anjuran Sukarelawan SMG UNIMAS boleh menghubungi Muhammad Hafizzudin Zainuddin menerusi talian 019-9072396 atau Nur Shaiidah Syaripuddin (016-6812154).